



INFORMASI UNIT PENGURUSAN PSIKOLOGI POLITEKNIK KUCHING SARAWAK TAHUN 2017

"Bersama Membina Insan Gemilang"





Pengenalan

Unit Pengurusan Psikologi (UPP) PKS berfungsi untuk menyediakan satu perkhidmatan kepada pelajar, staf Politeknik Kuching Sarawak serta masyarakat awam. Perkhidmatan yang disediakan sejajar dengan fungsi kaunseling yang semakin berkembang melalui peningkatan aktiviti jabatan serta pihak industri awam dan swasta. Program kaunseling dan aktiviti perkembangan pelajar yang dilaksanakan adalah berfokus dan selaras dengan perkembangan individu, akademik dan kerjaya.

Dalam konteks perkembangan aktiviti masa kini, UPP menyediakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada pelajar-pelajar PKS bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran tentang potensi diri, akademik, perancangan sikap, situasi belajar, maklumat kerjaya dan kesesuaian pekerjaan.

Melalui perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang disediakan, UPP PKS berperanan untuk memudahkan proses pembelajaran pelajar di samping membantu mentransformasikan pelajar PKS kepada modal insan yang berpengetahuan luas dan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Visi UPP

Menjadi sebuah unit yang mampu melengkapkan graduan dengan ilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak, berkemahiran serta berupaya melahirkan modal insan yang berkualiti secara fizikal dan spiritual.

Misi UPP

Menyediakan perkhidmatan yang terbaik berkaitan dengan pembinaan kognitif dan tingkah laku, mengukuhkan peluang kerjaya serta bertanggungjawab kepada penerimaan pengaruh persekitaran sosial

Objektif UPP

PERUBAHAN KOGNITIF DAN TINGKAH LAKU

Memastikan graduan minda kelas pertama yang mampu menggunakan pemikiran yang selari dengan tingkah laku secara positif, kreatif & kritis.

PENGUKUHAN KERJAYA DAN MEMBUDAYAKAN PEMBELAJARAN

Memastikan graduan menggunakan ilmu pengetahuan secara proaktif, kreatif, inovatif dan berkemahiran teknikal dalam meningkatkan kualiti hidup dan menyumbang kepada kesejahteraan sejagat.

BERTANGGUNGJAWAB KEPADA PENERIMAAN PENGARUH SOSIAL


Berusaha untuk bertanggungjawab, membangunkan dan mengukuhkan perpaduan, jati diri, keadilan sosial, menghormati kepelbagaian dan kesejahteraan diri, masyarakat serta negara.



CARTA ORGANISASI UNIT PENGURUSAN PSIKOLOGI



ENCIK MOHAMAD HUSAHARI BIN JAMEL
PEGAWAI PSIKOLOGI (KETUA UNIT)



ENCIK SEND ANAK TAKUK
PEGAWAI PSIKOLOGI



ENICK HISHAMMUDIN BIN HAJMI
PEGAWAI PSIKOLOGI



DIREKTORI STAF

	<p>NAMA: Encik Mohamad Husahari bin Haji Jamel K.B., P.A. NO. PEND. KAUNSELOR: KB01803; PA01356 JAWATAN: Pegawai Psikologi (Ketua Unit UPP) GRED: S41 KELAYAKAN: Ijazah Sarjana Muda Kaunseling, UNIMAS EMEL: m.husahari@poliku.edu.my TEL: 082-845596 (Samb. 585)</p>
	<p>NAMA: Encik Send Anak Takuk K.B., P.A. NO. PEND. KAUNSELOR: KB01995; PA01442 JAWATAN: Pegawai Psikologi (Kaunseling) GRED: S41 KELAYAKAN: Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling, UPM EMEL: send.t@poliku.edu.my TEL: 082-845596 (Samb. 334)</p>
	<p>NAMA: Encik Hishammudin Bin Haji Hajmi K.B., P.A. NO. PEND. KAUNSELOR: KB02085; PA01522 JAWATAN: Pegawai Psikologi (Kerjaya) GRED: S41 KELAYAKAN: Ijazah Sarjana Muda Kaunseling, UNIMAS EMEL: hishammudin.h@poliku.edu.my TEL: 082-845596 (Samb. 588)</p>



PERKHIDMATAN DITAWARKAN

- **Sesi Perkhidmatan Kaunseling**
Individu/Kelompok/Kerjaya
 - Komunikasi
 - Akademik
 - Perhubungan
 - Emosi dsb....
- **Khidmat Pengujian Psikologi kepada pelajar & staf**
 - Personaliti
 - Minat & Kerjaya
 - Sikap (marah, pengurusan masa, kewangan)
- Klinik Penasihat Akademik
- Klinik Pembelajaran dan Motivasi
- Klinik Bimbingan Kerjaya seperti laluan kerjaya, penulisan resume, teknik temuduga dan permohonan jawatan
- Penyelarasan program Pembimbing Rakan Siswa Politeknik

WAKTU OPERASI

Isnin hingga Khamis:

8.00pagi hingga 1.00 petang
2.00petang hingga 5.00 petang

Jumaat:

8.00pagi hingga 11.30pagi
2.30petang hingga 5.00petang


Sabtu:

Bergantung kepada temujanji



CARTA ALIRAN KERJA

PROSES KERJA: PENGURUSAN PENGENDALIAN PERKHIDMATAN KAUNSELING





GARIS PANDUAN DAN AKTA YANG DIGUNA PAKAI

Dalam menyampaikan perkhidmatan yang profesional dan efisien, Pegawai-pegawai Psikologi di UPP membuat rujukan ke atas beberapa garis panduan dan akta yang relevan dengan perkhidmatan. Rujukan dibuat ke atas dokumen-dokumen berikut:

- Akta Kaunselor 1998 (Akta 580)
- Kod Etika Lembaga Kaunselor Malaysia
- Pekeliling Perkhidmatan Bil. 29 tahun 2007: *Perubahan Skim-Skim Perkhidmatan Kaunselor dan Penolong Kaunselor Kepada Skim Perkhidmatan Pegawai Psikologi dan Penolong Pegawai Psikologi*
- Akta 174: Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976

Disediakan oleh:

Cr. HISHAMMUDIN BIN HAJMI

Pegawai Psikologi

Politeknik Kuching Sarawak